

12 DEC 2001

KENYATAAN PENUH PM MENGENAI PEMILIHAN YANG DI-PERTUAN AGONG

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Berikut ialah teks penuh kenyataan akhbar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pemilihan Yang di-Pertuan Agong ke-12.

"Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Raja-raja dalam Mesyuaratnya yang ke-191 (Khas) di Istana Negara pada 12 Disember 2001 telah bersetuju memilih Raja Perlis, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaysia selama tempoh lima tahun mulai 13 Disember 2001.

Majlis Raja-raja juga bersetuju memilih Sultan Terengganu, Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Al-Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al Muktafi Billah Shah menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong Malaysia selama lima tahun mulai 13 Disember 2001.

Pejabat Perdana Menteri

Putrajaya

12 Disember 2001"

-- BERNAMA

HS HS NMO